



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 34 Tahun 2020

**PEMAKLUMAN PINDAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI STAF
BUKAN AKADEMIK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
SECARA FLEKSI (TEMPOH PERKHIDMATAN) DI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk pemakluman semua staf berkenaan pindaan kepada urusan kenaikan pangkat bagi staf bukan akademik Kumpulan Pengurusan dan Profesional secara fleksi (berdasarkan tempoh perkhidmatan) di UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan (JKK) dalam mesyuaratnya yang ke-154 pada 8 Januari 2015 telah bersetuju meluluskan Cadangan Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Secara Fleksi/ Kemajuan Kerjaya 2014 (Skim Fleksi) bagi jawatan bukan akademik berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP)109/2014 dengan kriteria yang dicadangkan bagi UiTM.
3. Majlis Sumber Manusia (MSM) dalam mesyuaratnya yang ke-20 pada 29 November 2017 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang ke-162 pada 31 Januari 2018 telah bersetuju meluluskan Cadangan Pindaan syarat minimum perkhidmatan bagi kenaikan pangkat secara fleksi bagi jawatan-jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik Gred 48/52.
4. Surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO.600-9/12/24 JD.3(5) bertarikh 11 Mac 2020 melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil S38 Tahun 2020 yang berkuatkuasa 1 Julai

2020 telah meluluskan peruntukan jawatan Gred Fleksi bagi semua jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional iaitu Gred 41/44 dan Gred 48/52 di mana pengisian jawatan tersebut hanya pada satu gred sahaja pada satu-satu masa. Sehubungan itu, tiada lagi peruntukan jawatan hakiki bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional.

5. Majlis Sumber Manusia (MSM) dalam mesyuarat ke-47 pada 18 Jun 2020 bersetuju meluluskan cadangan pindaan kepada urusan kenaikan pangkat bagi staf bukan akademik Kumpulan Pengurusan dan Profesional secara fleksi berikutan pindaan penulisan waran dalam Surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO.600-9/12/24 JD.3(5) bertarikh 11 Mac 2020 melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil S38 Tahun 2020 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.

PELAKSANAAN

6. Proses pelaksanaan urusan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

- i. Proses kenaikan pangkat tidak lagi mengikut syarat fleksi sedia ada dengan bertempoh bagi jawatan Gred 44, 48 dan Gred 52. Semua jawatan tersebut adalah menggunakan syarat-syarat sebagaimana yang digunakan untuk jawatan hakiki berdasarkan keperluan organisasi, serta meluluskan calon-calon simpanan yang masih mempunyai tempoh sah laku dikekalkan bagi mengisi kekosongan jawatan akan datang.
- ii. Proses temu duga bagi mengisi jawatan Gred 44, 48 dan 52 adalah melalui proses seperti mana proses kenaikan pangkat secara hakiki iaitu setiap kekosongan perlu diiklankan dan semua calon tidak mengambil kira tempoh perkhidmatan dalam gred terakhir layak memohon untuk jawatan tersebut.
- iii. Pindaan urusan kenaikan pangkat ini adalah tidak melibatkan Skim Perkhidmatan berikut
 - a) Pegawai Farmasi
 - b) Pegawai Perubatan
 - c) Pegawai Pergigian
 - d) Pegawai Penyelidik


Laluan kerjaya bagi skim perkhidmatan tersebut kekal mengikut skim perkhidmatan masing-masing.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 27 Julai 2020.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.


HAJAH SA'ADAH IBRAHIM
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 34/2020)